

DAKWAH ISLAM KEPADA KAUM CHAU KHAU  
DI WILAYAH CHIANG RAI-THAILAND

NOORODIN ABDULLOH DAGORHA

TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

JABATAN PENGAJIAN ISLAM  
PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2009

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إن الحمد لله، نحمده ونستعينه ونستغفره ونتوب إليه ونؤمن به ونتوكل عليه، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له ومن يضلل فلا هادي له. أشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. اللهم صل وسلم على نبينا وحبيبنا وقائدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

Alhamdulillah, pengkaji panjatkan syukur ke hadrat Allah I Tuhan Pencipta alam semesta dan Pengurus segala urusan hamba-Nya yang mengurniakan hidayat dan taufik kepada pengkaji sehingga tesis yang bertajuk “DAKWAH ISLAM KEPADA KAUM CHAU KHAU DI WILAYAH CHIANG RAI-THAILAND” ini dapat diselesaikan dengan sempurna. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad ρ, keluarga dan seluruh para sahabatnya.

Pada kesempatan ini, pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan jazākumullāh khairaljazā' kepada kedua penyelia yang sangat pengkaji hormati iaitu Prof Madya Dr Mohd Radzi Bin Othman dan Dr Mohd Farid Bin Mohd Sharif atas segala pengorbanan masa dan tenaga dalam membimbing, menunjuk ajar, menyumbangkan buah fikiran dan lain-lain demi menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih ditujukan kepada Aziz Abdullah yang banyak membantu pengkaji dalam usaha menyelesaikan tesis ini terutama di bahagian analisis data. Semoga jasa baik mereka bertiga yang tidak terbilang itu dicatatkan oleh para malaikat sebagai amalan kebajikan yang mendapat ganjaran pahala daripada Allah I.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan dan Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia kerana sudi memberi peluang kepada pengkaji meneruskan pengajian di samping memberikan berbagai-bagai kemudahan semasa pengkaji belajar hingga selesainya tesis dengan sempurna.

Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Yala yang memberi kemudahan kepada pengkaji untuk cuti belajar demi meningkatkan prestasi akademik ke peringkat Ph.D.

Pada kesempatan ini juga pengkaji rakamkan ucapan terima kasih kepada Dr Ismail Lutfi Jafakia Rektor Universiti Islam Yala, Dr Ahmad Omar Chapakia Timbalan Rektor Bahagian Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Universiti Islam Yala, Dr Abdul Halim Ahmad Dekan Fakulti Pengajian Islam Universiti Islam Yala dan rakan-rakan seperjuangan, khususnya Abdul Halim Dinaa, Ramli Hamad, Hanafi Yakob, Kamnan Ahmad Kirai yang telah banyak menyumbangkan rangsangan dan semangat dalam usaha menyelesaikan tesis ini.

Ucapan terima kasih paling istimewa dikalungkan kepada ayahanda Abdullah Bin Hasyim yang sekarang berada di penghujung lingkaran umurnya dan bonda Allāhyarhamah Zainab Binti Awam kerana mereka berdua telah banyak mengorbankan masa, harta dan tenaga dalam membela, mendidik dan mengajarkan pengertian hidup Islam. Dipohonkan semoga Allah I memelihara ayahanda agar tetap dengan Islam dan

iman yang sempurna serta merahmati roh bonda dengan mengampun segala dosa dan memasukannya bersama hamba-hamba yang diredai.

Akhir sekali ucapan terima kasih dikalungkan kepada isteri Rogayah Binti Haji Omar kerana selalu memberi semangat dalam usaha menyelesaikan tesis ini dan sanggup mengharungi susah payah dalam membela dan mendidik anak-anak semasa ketiadaan suaminya. Juga ucapan terima kasih kepada anak-anak kesayangan Ammar, Wafa', Munzirah, Munzir, Husna, Niswah dan Husni yang sanggup bertegak di atas kaki sendiri dalam usaha membina pengertian hidup Islam sekalipun ketiadaan bapa bersama kerana sibuk dengan penulisan tesis. Semoga Allah I melimpahkan kurnia rahmat dan nikmat kepada mereka semua. Amin ya Rabb al-Alamin.

Noorodin Abdullah Dagorha

No. 9/2, Melor, M. 7,

T. Plonghoy, A. Kapho (94230),

Ch. Pattani, Thailand.

10 Jun 2009

## JADUAL KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
MUKA SURAT JUDUL	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	v
SENARAI CARTA	xii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI SINGKATAN	xviii
TRANSLITERASI	xx
ABSTRAK	xxii
ABSTRACT	xxiv
<b>BAB PERTAMA : PENDAHULUAN</b>	1
1.1. Pendahuluan	1
1.2. Persoalan kajian	3
1.3. Kajian lepas	4
1.4. Skop kajian	7
1.4.1. Skop tumpuan kajian	7
1.4.2. Skop golongan tumpuan	8
1.4.3. Skop lokasi	9
1.5. Kepentingan kajian	10
1.6. Objektif kajian	11
1.7. Kaedah kajian	12

1.7.1.	Kaedah pengumpulan data	13
1.7.1.1.	Kajian kepustakaan	13
1.7.1.2.	Kajian lapangan	13
1.7.2.	Kaedah analisis data	21
1.7.2.1.	Kaedah Deskriptif	21
1.7.2.2.	Kaedah Statistik Deskriptif	22
1.7.2.3.	Kaedah Deduktif	23
<b>BAB KEDUA : ASAS-ASAS DAKWAH RASULULLAH</b>		
<b>KEPADA SAUDARA BARU</b>		24
2.1.	Pendahuluan	24
2.2.	Pengertian dakwah	30
2.2.1.	Pengertian dakwah pada bahasa	30
2.2.2.	Pengertian dakwah pada istilah	30
2.3.	Sasaran dakwah Rasulullah	34
2.4.	Asas dakwah Rasulullah	35
2.5.	Sumber dakwah Rasulullah	38
2.6.	Subjek dakwah Rasulullah kepada saudara baru	44
2.6.1.	Akidah	45
2.6.2.	Ibadat	50
2.6.3.	Syariat	51
2.6.4.	Akhlak	53
2.7.	Tujuan dakwah Rasulullah kepada saudara baru	55
2.7.1.	Membina keperibadian	55
2.7.2.	Membina keluarga	62
2.7.3.	Membina masyarakat	67
2.8.	<i>Uslūb</i> dakwah Rasulullah kepada saudara baru	72

2.8.1. <i>Hikmah</i>	72
2.8.2. <i>Maw`iz`at hasanah</i>	73
2.8.3. <i>Mujādalat bi al-husnā</i>	73
2.8.4. <i>Targhīb</i>	75
2.8.5. <i>Tarhīb</i>	78
2.8.6. Tolak ansur	80
2.8.7. Mesej yang jelas	82
2.8.8. Mengutus pendakwah dan pengajar	82
2.8.9. Mengajar	83
2.8.10. Memilih tempat yang sesuai	84

### **BAB KETIGA : KAUM CHAU KHAU DAN PERGERAKAN**

#### **DAKWAH ISLAM KEPADANYA DI WILAYAH**

#### **CHIANG RAI –THAILAND**

3.1. Pendahuluan	88
3.2. Pengenalan Thailand	89
3.3. Pengenalan Chiang Rai	93
3.4. Pengenalan Kaum Chau Khau	96
3.4.1. Kumpulan Kaum Chau Khau	97
3.4.2. Suku Kaum Chau Khau	98
3.4.2.1. Suku Kariang	98
3.4.2.2. Suku Meo	104
3.4.2.3. Suku Musuer	112
3.4.2.4. Suku Yao	118
3.4.2.5. Suku Iko	129
3.4.2.6. Suku Lisu	137

3.4.3.	Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai	143
3.5.	Pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai	144
3.5.1.	Sejarah kemasukan dakwah Islam	144
3.5.2.	Organisasi yang terlibat dalam dakwah	148
3.5.2.1.	<i>Hai-at al-Ighāthat al-Islāmiyyat al-‘Ālamiyyah</i>	148
3.5.2.2.	Syarikat <i>Mu‘āmalāt</i>	150
3.5.2.3.	Yayasan Kebajikan Pattani	152
3.5.2.4.	Jaringan Muslim Cinta Kemanusiaan Thailand <i>Dār al-Salām</i>	153
3.5.3.	Pendakwah	159
3.5.3.1.	Kategori pendakwah	160
3.5.3.2.	Pendakwah terkemuka	163
3.5.4.	Subjek dakwah	167
3.5.4.1.	Subjek dakwah untuk sasaran belum Islam	168
3.5.4.2.	Subjek dakwah untuk sasaran sudah Islam	169
3.5.5.	<i>Uslūb</i> dakwah	170
3.5.5.1.	<i>Uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam	171
3.5.5.2.	<i>Uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam	176
3.5.6.	Polisi dakwah	190
3.5.6.1.	Polisi jangka pendek	190
3.5.6.2.	Polisi jangka panjang	192
	<b>BAB KEEMPAT : ANALISIS DATA</b>	193
4.1.	Pendahuluan	193
4.2.	Analisis data	193
4.2.1.	Latar belakang responden soal selidik	194



4.2.1.1.	Jantina	194
4.2.1.2.	Kelas umur	196
4.2.1.3.	Tahap pendidikan Islam	198
4.2.1.4.	Suku kaum	200
4.2.1.5.	Jarak masa memeluk Islam	203
4.2.2.	Reaksi sasaran terhadap subjek dakwah	205
4.2.2.1.	Reaksi terhadap subjek dakwah untuk sasaran belum Islam	205
4.2.2.2.	Reaksi terhadap subjek dakwah untuk sasaran sudah Islam	206
4.2.2.3.	Pengaruh subjek akidah terhadap sasaran belum Islam	207
4.2.2.4.	Pengaruh subjek akhlak terhadap sasaran belum Islam	210
4.2.3.	Reaksi sasaran terhadap <i>uslūb</i> dakwah	213
4.2.3.1.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah ; “Pendakwah masuk kampung”	213
4.2.3.2.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah ; “Mengedar Brosur”	216
4.2.3.3.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah ; “Pemujukan hati dengan pemberian hadiah dan bantuan”	217
4.2.3.4.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah ; “Pendakwah menetap di kampung”	219
4.2.3.5.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah; “Menubuh institusi pendidikan”	220
4.2.3.6.	Reaksi terhadap <i>uslūb</i> dakwah ; “Menghantar sasaran menyambung pengajian di	

selatan Thailand”	223
4.2.4. Masalah sasaran setelah memeluk Islam	226
4.2.4.1. Masalah hidup bersama keluarga yang bukan semua Islam	226
4.2.4.2. Masalah tidak boleh mempelajari dan menghayati Islam.	230
4.2.5. Masalah sasaran dakwah	232
4.2.5.1. Kepercayaan sasaran kepada hantu	233
4.2.5.2. Menghormati pesanan nenek moyang supaya menjaga hantu.	236
4.2.5.3. Sikap sasaran terhadap agama	238
4.2.6. Masalah pendakwah	240
4.2.6.1. Pendakwah tidak berpengalaman	240
4.2.6.2. Pendakwah tidak memahami bahasa sasaran	242
4.2.6.3. Pendakwah tidak mengenal kebudayaan sasaran	244
4.2.7. Masalah subjek dakwah	245
4.2.7.1. Subjek yang bercanggah dengan kepercayaan sasaran.	246
4.2.7.2. Penjelasan subjek dakwah kepada sasaran.	248
4.2.8. Masalah <i>uslūb</i> dakwah	251
4.2.8.1. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ;“Pendakwah masuk kampung”	251
4.2.8.2. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ;“Mengedar brosur”	255
4.2.8.3. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ; “Pemujukan hati dengan pemberian bantuan dan hadiah”	256
4.2.8.4. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ;“ Pendakwah menetap di kampung”	258
4.2.8.5. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ;“Menubuh institusi	

pendidikan Islam”	260
4.2.8.6. Masalah <i>uslūb</i> dakwah ;“Menghantar sasaran menyambung pengajian di selatan Thailand”	262
4.2.9. Masalah persekitaran	265
4.2.9.1. Kesan tragedi keganasan antara bangsa.	265
4.2.9.2. Kesan suasana kezaliman di selatan Thailand.	266
4.2.9.3. Tuduhan belia Chau Khau yang memeluk Islam dilatih sebagai penganas.	268
4.2.10. Masalah ekonomi	272
4.2.11. Masalah organisasi dakwah	274
<b>BAB KELIMA : PENUTUP</b>	277
5.1. Pendahuluan	277
5.2. Hasil kajian	277
5.3. Cadangan dan saranan	297
<b>BIBLIOGRAFI</b>	303
<b>LAMPIRAN</b>	312
1. Contoh soalan soal selidik	312
2. Contoh terjemahan soalan soal selidik kepada bahasa Thai	316
3. Contoh soalan wawancara berstruktur	320
4. Senarai responden wawancara berstruktur	325
5. Contoh borang pengamatan	326
6. Peta	331
7. Gambar	332

## SENARAI CARTA

<b>No</b>	<b>Judul Carta</b>	<b>Halaman</b>
1.1	Hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.	18
4.1	Jantina responden.	194
4.2	Kelas umur responden.	196
4.3	Tahap pendidikan Islam responden.	198
4.4	Suku kaum responden.	200
4.5	Jarak masa memeluk Islam responden.	203
4.6	Sasaran memeluk Islam kerana berpengaruh dengan subjek akhlak yang diamalkan oleh pendakwah.	210
4.7	Pendakwah masuk kampung <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling berkesan.	213
4.8	Menubuh institusi pendidikan <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling berkesan.	220
4.9	Menghantar sasaran menyambung pengajian di selatan Thailand <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling berkesan.	223
4.10	Masalah hidup bersama keluarga yang bukan semua Islam.	226
4.11	Masalah tidak boleh mempelajari dan menghayati Islam.	230
4.12	Sasaran mempercayai hantu terlalu kuat.	233
4.13	Sasaran menghormati pesanan nenek moyang supaya	

	menjaga hantu.	236
4.14	Pendakwah tidak berpengalaman secara baik.	240
4.15	Subjek akidah paling bercanggah dengan kepercayaan sasaran.	246
4.16	Sasaran menolak dakwah kerana tidak memahami subjeknya dengan baik.	248
4.17	Sasaran melakukan tidak baik terhadap pendakwah semasa memasuki kampung.	251
4.18	Belia Chau Khau tidak semua boleh memasuki institusi pendidikan.	260
4.19	Berita pejuang Islam sebagai pencetus kezaliman di selatan Thailand bermasalah kepada perkembangan dakwah.	266
4.20	Tuduhan belia Chau Khau dilatih sebagai pegganas di institusi dan sekolah di selatan Thailand bermasalah kepada perkembangan dakwah.	268

## SENARAI JADUAL

<b>No</b>	<b>Judul Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1.1	Program pengamatan	15
1.2	Pembahagian kategori responden wawancara berstruktur	17
3.1	Bilangan penduduk Thailand mengikut jantina	89
3.2	Bilangan penduduk wilayah Chiang Rai mengikut jantina	95
3.3	Bilangan daerah, sub daerah, mukim dan kampung di wilayah Chiang Rai	95
3.4	Bilangan penduduk, kampung dan keluarga Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai.	143
3.5	Jadual kegiatan harian di institusi pendidikan	185
3.6	Bilangan belia Chau Khau yang sedang belajar di peringkat menengah agama dan akademik di 3 wilayah selatan Thailand pada tahun 2009 M.	188
3.7	Belia Chau Khau yang sedang belajar di peringkat sarjana muda di 3 wilayah selatan Thailand pada tahun 2009 M.	189
3.8	Belia Chau Khau yang sedang belajar di peringkat sarjana muda di wilayah-wilayah lain daripada 3 wilayah selatan Thailand pada tahun 2009 M.	190
4.1	Jantina mengikut suku kaum	196
4.2	Kelas umur mengikut tahap pendidikan Islam	198

4.3	Tahap pendidikan Islam mengikut jantina	200
4.4	Suku kaum mengikut tahap pendidikan Islam	201
4.5	Jarak masa memeluk Islam mengikut jantina	205
4.6	Subjek dakwah untuk sasaran belum Islam sesuai	205
4.7	Subjek dakwah untuk sasaran sudah Islam sesuai	206
4.8	Sasaran memeluk Islam kerana berpengaruh dengan subjek akidah	207
4.9	Sasaran memeluk Islam kerana berpengaruh dengan subjek akidah mengikut suku kaum	209
4.10	Sasaran memeluk Islam kerana berpengaruh dengan subjek akhlak yang diamalkan oleh pendakwah mengikut jantina	211
4.11	Subjek dakwah untuk sasaran belum Islam paling berpengaruh	212
4.12	Pendakwah masuk kampung <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling berkesan mengikut kelas umur	215
4.13	Mengedar brosur <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling berkesan	216
4.14	Pemujukan hati dengan pemberian hadiah dan bantuan <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling berkesan	217
4.15	<i>Uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling berkesan	218
4.16	Pendakwah menetap di kampung <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling berkesan	219
4.17	Membuka institusi pendidikan <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling berkesan mengikut suku kaum	221
4.18	Menghantar sasaran menyambung pengajian di selatan Thailand <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling	

	berkesan mengikut jantina	224
4.19	<i>Uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling berkesan	225
4.20	Masalah hidup bersama keluarga yang bukan semua Islam mengikut tahap pendidikan Islam.	228
4.21	Masalah tidak boleh mempelajari dan menghayati Islam mengikut jantina	231
4.22	Masalah paling kemuncak dihadapi oleh sasaran setelah Islam	232
4.23	Sasaran mempercayai hantu terlalu kuat mengikut suku kaum.	234
4.24	Sasaran menghormati pesanan nenek moyang supaya menjaga hantu mengikut jantina.	237
4.25	Sikap sasaran tidak mengambil berat tentang agama.	238
4.26	Masalah sasaran dakwah paling kemuncak.	239
4.27	Pendakwah tidak berpengalaman secara baik mengikut jantina.	241
4.28	Pendakwah tidak memahami bahasa sasaran.	242
4.29	Pendakwah tidak mengenal kebudayaan sasaran.	244
4.30	Masalah pendakwah paling kemuncak.	245
4.31	Subjek akidah paling bercanggah dengan kepercayaan sasaran mengikut suku kaum.	247
4.32	Sasaran menolak dakwah kerana tidak memahami subjeknya dengan baik mengikut jantina.	249
4.33	Masalah utama subjek dakwah untuk sasaran belum Islam.	251
4.34	Sasaran melakukan perbuatan tidak baik terhadap pendakwah semasa memasuki kampung mengikut suku kaum.	253



4.35	Sebahagian besar sasaran tidak boleh membaca brosur yang diedarkan.	255
4.36	Sasaran yang tidak mendapat bantuan dan hadiah menuduh tidak baik kepada pendakwah.	256
4.37	Masalah <i>uslūb</i> dakwah untuk sasaran belum Islam paling kemuncak.	258
4.38	Sasaran <i>uslūb</i> berminat belajar Islam daripada pendakwah yang menetap di kampung.	258
4.39	Belia Chau Khau tidak semua boleh memasuki institusi pendidikan mengikut jantina.	261
4.40	Belia Chau Khau tidak semua boleh menyambung pengajian di selatan Thailand.	262
4.41	<i>Uslūb</i> dakwah untuk sasaran sudah Islam paling bermasalah.	264
4.42	Berita pejuang Islam sebagai pencetus tragedi keganasan di seluruh dunia bermasalah kepada perkembangan dakwah.	265
4.43	Berita pejuang Islam sebagai pencetus kezaliman di selatan Thailand bermasalah kepada dakwah mengikut suku kaum.	267
4.44	Tuduhan belia Chau Khau dilatih sebagai pengganas di institusi dan sekolah selatan Thailand bermasalah kepada dakwah mengikut jantina.	270
4.45	Masalah persekitaran paling kemuncak.	272

## SENARAI SINGKATAN

A.	Amphuer (Daerah)
B.	Buddhi
Bil	Bilangan
Cet.	Cetakan
CH.	Changwad (Wilayah)
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
Dr	Doktor
Ed	Edisi
H.	Hijrah
Hj.	Haji
hlm	Halaman
Jil	Jilid
Juz	Juzu'
Kg	Kampung
M.	Masehi
m.	Meninggal
No	Nombor
Prof	Profesor
T.	Tambol (Mukim)
t.p.	Tanpa penerbit
t.t.	Tanpa tahun

Terj.	Terjemahan
&	Dan
τ	Radiallāhu ‘anhu
ρ	S□allallāhu ‘alayhi wa sallam
I	Subhānahu wa Ta`ālā

## TRANSLITERASI

Perkataan Arab di dalam tesis ini dirumikan adalah berdasarkan kepada kaedah transliterasi yang diterbitkan oleh DBP iaitu Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi kecuali perkataan Arab yang lazim digunakan dalam bahasa Melayu. Abjad Arab dan sebutannya ditransliterasi mengikut panduan seperti berikut :

<b>Abja</b>	<b>Sebutan Arab</b>	<b>Transliterasi rumi</b>
ا	(alīf)	a
ب	(bā')	b
ت	(tā')	t
ث	(thā')	th
ج	(jīm)	j
ح	(hā')	h
خ	(khā')	kh
د	(dāl)	d
ذ	(dhāl)	dh
ر	(rā')	r
ز	(zay)	z
س	(sīn)	s
ش	(syīn)	sy

ص	(sād)	s
ض	(dād)	d
ط	(tā')	t
ظ	(zā')	z
ع	(‘āin)	‘
غ	(ghyn)	gh
ف	(fā')	f
ق	(qāf)	q
ك	(kāf)	k
ل	(lām)	l
م	(mīm)	m
ن	(nūn)	n
و	(waw)	w
هـ	(hā')	h
ء	(hamzah)	,
ي	(yā')	y
ة	(tā' marbūtat)	t

Manakala terjemahan ayat-ayat al-Quran di dalam tesis ini adalah berpandukan kepada TAFSIR PIMPINAN AL-RAHMAN KEPADA PENGERTIAN AL-QURAN terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.

DAKWAH ISLAM KEPADA KAUM CHAU KHAU  
DI WILAYAH CHIANG RAI-THAILAND

ABSTRAK

Kajian ini meninjau pergerakan dakwah Islam terhadap golongan saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai utara Thailand. Kajian menggunakan kaedah kepustakaan dalam mengkaji landasan teori kepada kajian ini iaitu dakwah Rasulullah kepada saudara baru yang meliputi pengertian dakwah, sasaran dakwah Rasulullah, sumber dakwah Rasulullah, subjek dakwah Rasulullah kepada saudara baru, tujuan dakwah Rasulullah kepada saudara baru dan *uslūb* dakwah Rasulullah kepada saudara baru. Hal ini bertujuan mengenal pasti sejauh manakah ia diamalkan dalam aktiviti dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai. Selain itu, diterangkan sedikit pengenalan tentang Negara Thailand, pengenalan Wilayah Chiang Rai dan pengenalan Kaum Chau Khau meliputi asal usul, suku kaum, kebudayaan, adat istiadat, kepercayaan, kedudukan, bilangan dan pekerjaan mereka. Manakala kaedah lapangan pula digunakan dalam mengkaji pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai yang mengandungi sejarah kemasukan dakwah Islam ke dalam Kaum Chau Khau, organisasi yang terlibat dalam dakwah, pendakwah yang melancarkan dakwah, subjek dakwah yang diterapkan, cara dakwah yang digunakan dan polisi bagi dakwah ini.

Kajian ini juga menggunakan kaedah lapangan dalam mengkaji sejauh manakah reaksi sasaran dakwah terhadap penerapan subjek dakwah dan pendekatan dakwah dalam aktiviti dakwah ini. Selain itu, kajian ini juga membincangkan masalah-masalah dakwah yang meliputi masalah yang dihadapi sasaran setelah memeluk Islam, masalah sasaran dakwah, masalah pendakwah, masalah subjek dakwah, masalah *uslūb* dakwah, masalah persekitaran, masalah ekonomi dan masalah organisasi dakwah.

Dapatan kajian menunjukkan pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai utara Thailand berjaya menerapkan subjek-subjek dakwah Rasulullah  $\rho$ . Hal ini sebagai kesan pendekatan dakwah yang pelbagai telah digunakan hingga mampu menarik minat sekitar 3,000 orang Kaum Chau Khau yang memeluk Islam, kemudian sebahagian belia mendapat pendidikan Islam di institusi-institusi pendidikan Islam yang ditubuhkan oleh organisasi dakwah di Wilayah Chiang Rai dan sebahagian belia yang lain pula berpeluang menyambung pengajian agama Islam di sekolah dan universiti di selatan Thailand hingga ada yang berjaya mendapat Ijazah Sarjana Muda Usuluddin.

Walau bagaimanapun, dakwah ini sentiasa mengharungi beberapa permasalahan terutama permasalahan ekonomi yang selalu menggugat pergerakan dakwah ini, hingga sekarang masih belum dapat diselesaikan.

## ISLAMIC DAKWAH FOR CHAU KHAU AT CHIANG RAI-THAILAND

### ABSTRACT

This study surveys the Islamic preach movement towards new-muslim society i.e. Chau Khau ethnic in Chiang Rai Province, North Thailand. It applies literature method in studying its basis theory i.e. the preach movement used by our Prophet Muhammad ﷺ comprising the definition of preach, basic, sources, objectives, subjects, period, level, structure and effects of the Prophet's movement ﷺ in order to identify the degree of these elements applied in the movement towards Chau Khau ethnic. Apart from that, this study will look into the introduction section of Thailand and the Chiang Rai Province as well as the ethnic which consists of its origin, tribe, culture, custom, belief, rank, amount and occupation, while the field method is used for studying the Islamic preach movement towards the ethnic of Chau Khau in Chiang Rai Province which consists of the history of Islamic preach access to the Chau Khau community, organizations involved in the preach, preachers and their roles, subjects of the preach, methods and policies used for this purpose.

The field method is also used for observing the degree of reaction of the target groups towards the subjects as well as the use of the preach methods. Besides, the study also views the difficulties in the preach such as dilemmas faced by the neophytes and



the target groups, difficulties faced by the preachers as well as difficulties in the subjects, methods and environment of the preach.

The results of the study reveal that this kind of Islamic preach movement has managed to nurture the Prophet's  $\rho$  preach subjects through diversity of preaches in which they are able to generate positive outcomes with around 3,000 Chau Khau people have converted to Islam while some of the youths gain the Islamic education at the Islamic educational institutions established by preach organizations in Chiang Rai and some have opportunity to further their study in Islamic Study in Southern Thailand schools and universities where some of them have already graduated in Bachelor of Usuluddin.

Nevertheless, this movement often encounters difficulties particularly economy problem which, to date, does not have capability to bring these problems to an end.

## BAB PERTAMA

### PENDAHULUAN

#### 1.1. Pendahuluan

Islam terus berkembang dari semasa ke semasa dan dari tempat ke tempat dengan adanya proses dakwah. Dakwah disampaikan oleh para nabi dan rasul kemudian kesinambungannya diteruskan pula oleh para pendakwah. Para pendakwah perlu berusaha meningkatkan kefahaman tentang asas-asas dakwah begitu juga kumpulan sasaran bagi dakwah sebagai bekalan dalam memaksimumkan peranan dan lapangan dakwah supaya perubahan manusia daripada kufur kepada Islam, daripada syirik kepada tauhid, daripada *bid'ah* (rekaan) kepada sunnah, daripada batil kepada hak dan sebagainya dengan lebih cepat.

Dakwah yang dilancarkan oleh para rasul mengandungi dua golongan sasaran asas iaitu golongan bukan muslim atau kafir dan golongan yang telah memeluk Islam atau muslim. Bagi golongan sasaran pertama yang belum memeluk Islam, para rasul menyampaikan risalah Islam kepada mereka serta menyeru dan mengajak kepada Islam. Manakala kepada golongan sasaran kedua yang telah memeluk Islam pula para rasul menyampaikan ajaran Islam demi meningkatkan kefahaman mengenai Islam dan iman serta penghayatannya.

Pada akhir-akhir ini, kebanyakan para pendakwah atau organisasi dakwah Islam melancarkan dakwah tertentu kepada golongan yang sudah Islam sahaja, amat sedikit dalam kalangan mereka yang melakukan dakwah kepada kumpulan sasaran yang bukan

Islam, hingga membuatkan sebahagian besar orang Islam tidak menyedari bahawa dakwah kepada golongan bukan Islam juga merupakan suatu kewajiban, hal ini juga berlaku dalam kalangan orang Islam di Thailand.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebahagian pendakwah di tiga wilayah Selatan Thailand iaitu Pattani, Yala dan Narathiwat yang menyambung semula kerja dakwah kepada kumpulan sasaran yang bukan Islam. Mereka berjaya menubuhkan satu organisasi dakwah khas bagi golongan bukan Islam. Atas nama organisasi ini, mereka menyebarkan dakwah ke seluruh kawasan dan setiap peringkat manusia di Thailand, tetapi golongan sasaran yang paling diutamakan ialah Kaum Chau Khau yang berada di wilayah-wilayah bahagian Utara Thailand termasuk Wilayah Chiang Rai.

Sebagai kesan kemunculan pergerakan dakwah Islam tersebut, telah membuatkan pendakwah-pendakwah di Thailand dan negara-negara jiran seperti Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei bekerjasama untuk turut memainkan peranan, sama ada turut serta ke lapangan dakwah bersama kelompok pendakwah ataupun menghulurkan bantuan bagi tujuan menjayakan dakwah ini dan sebagainya. Begitu juga terdapat beberapa organisasi kebajikan terutama dari timur tengah bekerjasama dalam menjayakan dakwah tersebut. Sepanjang pergerakan dakwah ini terdapat beberapa hal yang positif di samping beberapa hal negatif yang merupakan masalah kepada pergerakan dakwah ini. Oleh sebab itu, pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai perlu dikaji bagi mendapatkan maklumat sebenar tentang kebaikan dan kekurangannya agar orang Islam sama-sama bertanggungjawab memikul amanah ini.

Adapun tajuk kajian yang pengkaji pilih bagi tesis ini ialah: “Dakwah Islam Kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai - Thailand”. Manakala yang dimaksudkan dengan “Dakwah Islam” ialah merangsang manusia ke arah kebaikan dan petunjuk, menyuruh mereka berbuat *ma`rūf* (kebaikan) dan melarang daripada melakukan kemungkaran supaya mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat,<sup>1</sup> “Kaum” ialah puak, suku bangsa.<sup>2</sup> “Chau Khau” ialah gelaran khusus kepada golongan manusia yang bukan asal kerakyatan Thailand, mereka berasal dari berlainan negara kemudian berpindah masuk ke Thailand dan bermustautin di pergunungan setelah membina perkampungan. “Wilayah” ialah jajahan, daerah, kawasan, negeri atau provinsi,<sup>3</sup> adapun bagi Thailand dimaksudkan wilayah dengan provinsi. “Chiang Rai” ialah nama bagi satu wilayah di Thailand yang terletak di sebelah utara Thailand. “Thailand” ialah nama bagi satu negara terletak di Asia Tenggara.

Manakala pengertian tajuk kajian ini secara umumnya ialah penyebaran subjek dakwah Islam oleh para pendakwah dan organisasi dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai, Thailand melalui *uslūb* dakwah yang pelbagai.

## 1.2. Persoalan Kajian

Bagi tesis ini beberapa persoalan kajian, iaitu seperti berikut:

- i. Apakah asas-asas dakwah Rasulullah kepada saudara baru dan adakah ia diguna dalam pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai?

---

<sup>1</sup> ‘Alī Syekh Mahfūz, *Hidāyat al-Mursyidīn ilā Tūruq al-Wa‘z wa al-Khitābah*, al-Matba‘at al-‘Uthmāniyyat al-Misriyyah, al-Qahirah, 1958M., hlm : 17.

<sup>2</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*, Ed.Ke-4, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm:588.

<sup>3</sup> *Ibid*, hlm: 1551.

- ii. Siapakah Kaum Chau Khau, apakah kebudayaan dan bagaimanakah kepercayaan mereka?
- iii. Bagaimanakah kemasukan dakwah Islam kepada mereka dan siapakah yang melancarkan dakwah?
- iv. Bagaimanakah reaksi sasaran terhadap subjek dan *uslūb* dakwah bagi pergerakan dakwah ini?
- v. Apakah halangan dan masalah yang dihadapi oleh sasaran dan dakwah Islam?

### 1.3. Kajian Lepas

Kajian ini adalah berkaitan dengan Kaum Chau Khau yang bermustautin di Wilayah Chiang Rai. Perbincangan tertumpu pada pergerakan dakwah Islam dan masalah-masalah yang dihadapi olehnya.

Setakat pembacaan pengkaji, belum ada kajian tentang Kaum Chau Khau seumpama dengan kajian ini yang dibuat oleh para sarjana lain. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang berkaitan Kaum Chau Khau dalam permasalahan kajian yang lain, antaranya:

Suphachai Sathirasilapin, beliau mengkaji tentang kemasukan Kaum Chau Khau ke dalam negara Thailand dan tempat kediamannya, kajian berjudul “CHAU KHAU

NAI PRATHET THAI”, dikaji pada tahun 2517B. (1974M.). Kajian ini memaparkan cara kemasukan setiap suku Kaum Chau Khau ke Thailand selain mengemukakan wilayah dan daerah yang didiami serta menerangkan bilangan perkampungan yang dibina Kaum Chau Khau mengikut suku kaum. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh langsung berkaitan agama anutan, kepercayaan dan kebudayaan Kaum Chau Khau yang dapat memperkenalkan mereka kepada pembaca.

Phimukh Chanthenawatna telah mengkaji tentang agama, kepercayaan dan kebudayaan Kaum Chau Khau. Kajian yang dilakukan pada tahun 2520B. (1977M.) berjudul “CHAU KHAU: KHERONGSANG LAE KHEWAMSHUEA”. Skop kajian ini terbatas kepada enam suku terbesar Kaum Chau Khau sahaja iaitu Kariang, Meo, Musuer, Iko, Lisu dan Yao. Beliau telah membahagikan dengan jelas tentang kepercayaan, kebudayaan dan adat istiadat Kaum Chau Khau mengikut suku kaum. Kajian ini tidak menyentuh sebab-sebab kedatangan dan negara asal mereka, begitu juga tidak menyentuh bilangan dan tempat kediaman mereka.

Saraphi Sila mengkaji asal keturunan dan kedatangan Kaum Chau Khau dalam tajuk “KHEWAM PEN MA KHONG CHAU KHAU NAI PRATHET THAI”, kajian dilakukan pada tahun 2527B. (1984M.). Kajian ini sangat menarik, kerana ia membahagikan dengan jelas tentang suku kaum dan keturunan, tempat tinggal dan negara asal, sebab perpindahan dan cara kemasukan Kaum Chau Khau ke Thailand. Tetapi ia masih belum memuaskan hati pembaca kerana tidak menyentuh tentang pekerjaan, agama, kepercayaan dan kebudayaan Kaum Chau Khau.

Manakala Chanthaburn Suthi mengkaji tentang corak pembelajaran Kaum Chau Khau di Thailand. berjudul “CHAU KHAU NAI PRATHET THAI KAB KAR SUEKSA”, kajian dilakukan pada tahun 2530B.(1987M.). Kajian yang dibuat secara umum ini tidak membahagikan Kaum Chau Khau mengikut suku kaum. Namun, ia dilakukan dengan baik kerana dapat menyatakan bilangan sekolah rendah yang menjadi tempat Kaum Chau Khau belajar, peratusan murid lulus sekolah rendah yang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan peratusan bilangan pelajar yang tamat pada peringkat serjana muda mengikut jurusan dan jantina. Namun demikian, menurut pandangan pengkaji, kajian ini masih belum memenuhi keperluan pembaca kerana ia semata-mata mengkaji mengenai pembelajaran sahaja dengan tidak menyentuh langsung tentang agama, kepercayaan dan kebudayaan mereka.

Pada tahun 2531B.(1988M.) Sanith Wongprasert ada mengkaji mengenai bilangan Kaum Chau Khau dan pekerjaannya berjudul “KAR CHAI PRAYOT THIDIN PHUEA KAR PHOK PLUK : SUEKSA KORANI CHAU KHAU”. Pernyataan tentang bilangan Kaum Chau Khau dalam kajian ini sangat baik, kerana ia membahagikan mengikut suku kaum, pembahagian mengikut jantina dilakukan. Namun demikian, maklumat kajian itu sudah menjadi maklumat lapuk memandangkan ia dilakukan pada tahun 1988M. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pekerjaan Kaum Chau Khau tidak sangat meliputi, kerana ia membataskan kajian hanya enam suku besar Kaum Chau Khau sahaja tidak termasuk suku-suku kecil.

Adapun kajian yang hampir sama dengan kajian ini yang dilakukan oleh para sarjana tetapi ia bukanlah tentang Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai, malahan memfokuskan tentang orang asli di Negara Malaysia, antaranya ialah tesis untuk

memperolehi Ijazah Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang pada tahun 2003 oleh Syed Abdurahman bin Syed Hussin dalam tajuk “DAKWAH KEPADA MUSYRIKIN BERDASARKAN SURAH AL-AN‘ĀM; KAJIAN PENERAPANNYA TERHADAP ORANG ASLI DI NEGERI SELANGOR”. Tesis ini mengkaji tentang *manhaj*<sup>4</sup> dakwah, *uslūb* dakwah, media dakwah, pendekatan *uslūb*, pendekatan dakwah berdasarkan surah *al-A‘nām* dan mengkaji juga tentang pendakwaan terhadap orang asli di Negeri Selangor termasuk pendekatan dakwah yang digunakan oleh para pendakwah, kemudian membuat perbandingan untuk melihat sejauhmanakah ketetapan metod yang digunakan oleh pendakwah dalam melancarkan dakwahnya kepada orang asli di Negeri Selangor dengan apa yang dianjurkan oleh Allah di dalam al-Quran.

Walau bagaimanapun, kajian-kajian tersebut banyak membantu pengkaji dalam usaha menjalankan kajian ini.

#### 1.4. Skop Kajian

Tiga sudut pokok yang diambil kira dalam skop kajian ini, iaitu skop tumpuan kajian, skop golongan tumpuan dan skop lokasi. Penjelasan secara lanjut adalah seperti berikut:

##### 1.4.1. Skop Tumpuan Kajian

Kajian ini menumpukan kepada asas-asas dakwah Islam dan pengenalan Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai, Thailand yang merupakan landasan teori kepada kajian

---

<sup>4</sup> *Manhaj* berasal dari perkataan ‘Arab yang diambil dari kata dasar (*nahaja*) yang membawa erti jalan yang jelas dan nyata. (Jamāl al-Dīn Muhammad Zayn Makram ibn Manzū‘ūr, **Lisān al-‘Arab**, Dār Sū‘ābir, t.t, juz 2, hlm: 383.)



ini, pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau yang meliputi penerangan tentang sejarah kemasukan dakwah Islam kepada golongan ini, organisasi yang terlibat dalam dakwah, pendakwah yang melancarkan dakwah, subjek dakwah yang dikemukakan dan pendekatan atau cara dakwah yang digunakan serta reaksi saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau terhadapnya. Kajian ini juga menumpukan masalah-masalah dakwah yang mengandungi masalah sasaran dakwah, masalah yang dihadapi oleh sasaran dakwah setelah memeluk Islam, masalah pendakwah, masalah subjek dakwah, masalah cara dakwah, masalah persekitaran, masalah ekonomi dan masalah organisasi dakwah.

#### 1.4.2. Skop Golongan Tumpuan

Memandangkan reka bentuk kajian ini memerlukan kaedah pengumpulan data yang memakan masa panjang dari satu lokasi ke lokasi yang lain, maka pengkaji hanya memilih beberapa golongan sahaja sebagai golongan tumpuan kajian tesis ini seperti berikut:

- i. Saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau yang mempertingkat mutu Islam dengan mempelajari Islam di institusi pendidikan Islam yang dibina oleh pendakwah dalam Wilayah Chiang Rai.
- ii. Saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau yang menyambung pengajian di sekolah-sekolah agama dan universiti-universiti di tiga wilayah Selatan Thailand.

- iii. Saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau yang tidak berpeluang untuk mempertingkatkan kefahaman tentang Islam dan tidak menghayati Islam dalam hidup harian.
- iv. Pendakwah yang berasal dari tiga wilayah Selatan Thailand kemudian berpindah dan menetap di Wilayah Chiang Rai semata-mata untuk berdakwah.
- v. Pendakwah yang berulang-alik dari Selatan Thailand dan Malaysia ke Wilayah Chiang Rai untuk menyampaikan dakwah.

#### 1.4.3. Skop Lokasi

Untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau dan permasalahannya, pengkaji memilih Wilayah Chiang Rai sebagai lokasi kajian. Ia terdiri daripada 5 kampung yang terdapat ramai saudara baru ialah Kampung Wiang Mok Daerah Chiang Khong, Kampung Pansa Daerah Mae Chan, Kampung Doi Chang Daerah Mae Saruai, Kampung Doi Tum Daerah Wiang Chiang Rong dan Kampung Khok Kho Daerah Mae Fa Luang dan 3 institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh organisasi dakwah di Wilayah Chiang Rai iaitu Masjid Islam Ban Pansa terletak di Daerah Mae Chan, Masjid Islam Ban Wiang Mok terletak di Daerah Chiang Khong dan Masjid Islam Ban Huai Mahinphon terletak di Daerah Mae Chan.

### 1.5. Kepentingan Kajian

Tajuk kajian ini ialah “Dakwah Islam Kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai-Thailand”. Pemilihan tajuk ini berdasarkan beberapa kepentingan tertentu, antaranya:

- i. Membantu para penggerak dakwah mengkaji cara yang berkesan dalam mempelbagaikan cara berdakwah.
- ii. Gerakan dakwah terhadap golongan bukan muslim di Wilayah Chiang Rai merupakan gerakan dakwah yang paling berjaya berbanding gerakan-gerakan dakwah terhadap golongan bukan muslim yang lain di Thailand. Justeru, ia perlu diselidiki bagi mengetahui perkara sebenar sebab-sebab kejayaannya. Hal ini dapat dijadikan tauladan bagi penggerak-penggerak dakwah yang lain dan untuk mengetahui juga masalah-masalah yang dihadapinya agar sama-sama berusaha untuk menyelesaikannya.
- iii. Dakwah kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chaing Rai adalah dakwah yang sukar dilakukan kerana ia bersaing dengan dakwah Kristian yang memulakannya lebih awal dan lebih lengkap dari sudut kebendaan berbanding dakwah Islam. Walau bagaimanapun, terdapat ramai daripada Kaum Chau Khau yang tidak berpengaruh dengan dakwah Kristian malah mereka lebih memahami Islam melalui dakwah Islam dan seterusnya memeluk Islam. Terdapat juga dalam kalangan mereka yang telah memeluk Kristian dan kemudian kembali kepada agama Islam. Hal ini

menunjukkan betapa hebatnya dakwah Islam yang perlu dikaji untuk pengetahuan bersama umat Islam dan khususnya penggerak-penggerak dakwah Islam di seluruh dunia yang juga bersaing dengan dakwah Kristian dan lain-lain dakwah bukan Islam.

- iv. Membuat suatu pendedahan kepada masyarakat Islam khususnya tentang usaha daripada pihak-pihak yang menjalankan dakwah terhadap Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai.
- v. Memberi maklumat yang sebenar kepada masyarakat Islam khususnya tentang hakikat dakwah sesuai dengan tuntutan agama Islam.
- vi. Sebagai pembuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan dakwah terhadap Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai.
- vii. Membantu gerakan dakwah dan pendakwah di Wilayah Chiang Rai dengan cara menghasilkan maklumat sebenar tentang kelemahan-kelemahan dan masalah-masalah yang perlu diatasi oleh mereka .

#### 1.6. Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mencapai beberapa matlamat atau objektif iaitu seperti berikut:

- i. Mengetahui asas-asas dakwah Rasulullah kepada saudara baru dan sejauhmanakah ia digunakan dalam pergerakan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai.
- ii. Mengenalpasti Kaum Chau Khau yang mengandungi asal kedatangan, bilangan, kumpulan, suku kaum, kebudayaan, adat istiadat, kepercayaan dan sumber ekonomi mereka.
- iii. Mengenalpasti sejarah kemasukan dakwah Islam kepada mereka, organisasi dan pendakwah yang melancarkan dakwah, subjek yang diterapkan dan *uslūb* yang digunakan dalam dakwah.
- iv. Mengkaji reaksi saudara baru terhadap subjek dan *uslūb* dakwah bagi pergerakan dakwah ini.
- v. Mengkaji masalah-masalah yang dihadapi oleh dakwah ini, iaitu masalah sasaran setelah memeluk Islam, masalah sasaran dakwah, masalah pendakwah, masalah subjek dakwah, masalah *uslūb* dakwah, masalah persekitaran, masalah ekonomi dan masalah organisasi dakwah.

### 1.7. Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Dalam usaha untuk mengkaji dan menyusun tesis ini agar dua kaedah tersebut diterapkan dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data seperti berikut:

### 1.7.1. Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data digunakan untuk memperoleh dan mengumpul maklumat serta fakta bagi tujuan kajian melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan:

#### 1.7.1.1. Kajian Kepustakaan (Library Reseach)

Bagi memenuhi kajian kepustakaan ini, pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi iaitu cara pengumpulan data yang menggunakan dokumen yang berhubungan dengan masalah yang dibahaskan dalam kajian ini. Kaedah ini memerlukan pembacaan beberapa bahan rujukan di perpustakaan. Melalui cara ini, pengkaji akan mendapatkan data-data dan fakta-fakta dalam bentuk dokumentasi yang terdiri daripada jurnal, risalah, majalah, akhbar dan buku-buku dari Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Yala, Perpustakaan Universiti Songkhla Nakharin Pattni, Perpustakaan Chiang Rai, Perpustakaan Bangkok dan lain-lain. Segala data yang diperoleh akan dikaji secara cermat, teliti dan mendalam. Kajian kepustakaan banyak digunakan untuk mendapatkan maklumat sebagai landasan kajian. Hasil kajian kepustakaan banyak dianalisa dalam bab pertama, kedua dan sebahagian dalam bab ketiga.

#### 1.7.1.2. Kajian Lapangan (Field Reseach)

Maksud kajian lapangan ialah pengkaji membuat pengkajian secara langsung ke atas sebahagian subjek yang dipilih untuk mengetahui sejarah permulaan dakwah Islam kepada Kaum Chau Khau, organisasi yang terlibat dalam dakwah, pendakwah yang melancarkan dakwah, subjek dakwah yang diterapkan, cara dakwah yang digunakan,

polisi dakwah dan masalah-masalah bagi dakwah. Oleh sebab kajian ini menggabungkan antara kaedah kuantitatif dan kualitatif, maka untuk menghasilkan data bagi kuantitatif pengkaji menggunakan kaedah soal selidik. Manakala kualitatif pula pengkaji mengumpulkan data melalui kaedah pengamatan dan kaedah wawancara. Kajian lapangan ini digunakan untuk mendapatkan maklumat sebagai asas kepada bab keempat dan sebahagian dalam bab ketiga.

#### 1) Kaedah Pengamatan (Observasi)

Kaedah pengamatan dilakukan bagi kajian kualitatif. Kaedah ini dilakukan dengan cara pengkaji sendiri berada bersama kelompok pendakwah untuk melihat reaksi sasaran dakwah terhadap subjek dakwah yang dikemukakan dan reaksi mereka terhadap cara dakwah yang digunakan. Pengamatan ini juga melihat masalah-masalah yang timbul sepanjang aktiviti dakwah dilakukan.

Selain itu, pengkaji juga memasuki kampung-kampung yang dipilih sebagai lokasi dan menetap bersama golongan tumpuan. Untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka, pengkaji menziarahi ke rumah-rumah di samping mengamati suasana kehidupan mereka.

Kaedah pengamatan juga dilakukan ke atas 3 institusi pendidikan Islam yang ditubuh oleh organisasi dakwah Islam di Wilayah Chiang Rai iaitu Masjid Islam Ban Pansa, Masjid Islam Ban Wiang Mok dan Masjid Islam Ban Huai Mahinphon. Pengamatan ke atas institusi-institusi ini melihat penerapan subjek dakwah, reaksi sasaran terhadap subjek dakwah dan permasalahan yang dihadapi oleh dakwah begitu

juga sasaran dakwah. Hal ini dilakukan dengan cara pengkaji mendirikan solat berjamaah setiap waktu di masjid, mendengar pengajaran-pengajaran yang disampaikan oleh pendakwah di dalam masjid dan di dalam kelas-kelas pengajian, makan bersama dan menziarahi pendakwah dan juga sasaran dakwah di asrama pada masa yang dianggap sesuai.

Kaedah pengamatan ini mengguna masa selama 25 hari. Pengamatan ke atas 5 kampung mengguna masa selama 15 hari dengan menetapkan program selama 3 hari bagi 1 kampung. Manakala pengamatan ke atas 3 institusi pendidikan Islam pula, pengkaji menetap di Masjid Islam Ban Huai Mahinphon selama 4 hari<sup>5</sup>, Masjid Islam Ban Pansa selama 3 hari dan selama 3 hari juga di Masjid Islam Ban Wiang Mok.

Jadual 1.1: Program pengamatan

<b>Kampung/Institusi</b>	<b>Jumlah Hari</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kampung Wiang Mok	3	12
Kampung Pansa	3	12
Kampung Doi Chang	3	12
Kampung Doi Tum	3	12
Kampung Khok Kho	3	12
Masjid Islam Ban Huai Mahinphon	4	16
Masjid Islam Ban Pansa	3	12
Masjid Islam Ban Wiang Mok	3	12
<b>Jumlah</b>	<b>25</b>	<b>100</b>

## 2) Kaedah Wawancara (Interview)

Iaitu cara pengumpulan data yang dilakukan melalui interview atau wawancara dengan penggerak-penggerak dakwah dan pemimpin-pemimpin organisasi dakwah dan

<sup>5</sup> Pengamatan ke atas institusi “Masjid Islam Ban Huai Mahinphon” lebih banyak mengguna masa dari kampung dan institusi lain disebabkan institusi ini merupakan pusat bagi organisasi dakwah dan *amir* besar bagi organisasi dakwah ini juga menetap di sini.



organisasi kebajikan yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan dakwah Islam di Wilayah Chiang Rai.

Kaedah wawancara dibahagikan kepada dua bentuk iaitu wawancara tidak berstruktur dan wawancara berstruktur. Adapun wawancara tidak berstruktur diajukan soalan-soalan kepada responden kelompok pendakwah, sasaran dakwah dan pegawai-pegawai organisasi dakwah dan organisasi kebajikan yang terlibat dalam dakwah untuk mendapat data mengenai sejarah kemasukan dakwah Islam ke dalam Kaum Chau Khau, organisasi dakwah, pendakwah, subjek dakwah yang dikemukakan, cara dakwah yang digunakan dan polisi dakwah.

Manakala wawancara berstruktur pula diajukan soalan-soalan<sup>6</sup> kepada responden kelompok pendakwah untuk mendapat data mengenai:

- i. Reaksi sasaran terhadap subjek dakwah
- ii. Reaksi sasaran terhadap cara dakwah
- iii. Masalah yang dihadapi oleh sasaran setelah memeluk Islam
- iv. Masalah sasaran dakwah
- v. Masalah pendakwah
- vi. Masalah subjek dakwah
- vii. Masalah cara dakwah
- viii. Masalah persekitaran
- ix. Masalah ekonomi
- x. Masalah organisasi dakwah

---

<sup>6</sup> Contoh soalan wawancara berstruktur disediakan di halaman 320.

Soalan-soalan yang sama disediakan untuk dijawab oleh 26 orang responden yang dipilih dalam kalangan pendakwah<sup>7</sup>. Mereka terdiri daripada 6 orang pendakwah yang menetap di 3 institusi pendidikan Islam, 5 orang pendakwah yang pernah menetap di perkampungan Kaum Chau Khau, 10 orang pendakwah dari 3 wilayah Selatan Thailand yang berulang-alik ke Wilayah Chiang Rai dan 5 orang pendakwah daripada Malaysia yang melibatkan diri dalam dakwah ini. Pembahagian responden mengikut kategori dapat dilihat dalam jadual 1.2 berikut:

Jadual 1.2: Pembahagian kategori responden wawancara berstruktur

<b>Kategori Responden</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Pendakwah yang menetap di 3 institusi pendidikan Islam	6	23.08
Pendakwah yang pernah menetap di kampung Chau Khau	5	19.23
Pendakwah yang berulang-alik	10	38.46
Pendakwah daripada Malaysia	5	19.23
<b>Jumlah</b>	<b>26</b>	<b>100</b>

Untuk menemui responden tersebut pengkaji mengunjungi ke rumah-rumah atau pejabat-pejabat kerja mereka mengikut hari dan masa yang telah dijadualkan sesudah diadakan janji. Bagi responden yang sukar dijumpai pengkaji mengadakan wawancara melalui telefon.

### 3) Kaedah Soal Selidik


Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas responden tentang reaksi sasaran dakwah terhadap subjek dan cara dakwah, masalah yang dihadapi oleh sasaran setelah memeluk Islam, masalah sasaran dakwah, masalah pendakwah, masalah subjek dakwah, masalah cara dakwah dan masalah persekitaran. Responden dipilih secara

<sup>7</sup> Senarai nama-nama responden wawancara berstruktur disediakan di halaman 325.

cermat dalam kalangan Kaum Chau Khau yang memeluk Islam dan bermustautin di dalam lokasi kajian untuk menjawab beberapa soalan yang diperlukan. Manakala rekabentuk kajian, soalan, pengagihan soalan dan sample kajian adalah seperti berikut:

i. Rekabentuk Kajian

Secara umum kajian mengandungi 2 pembolehubah iaitu pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Pembolehubah bersandar ialah reaksi responden terhadap penerapan subjek dan penggunaan cara dakwah begitu juga masalah-masalah dakwah. Pembolehubah tidak bersandar pula terdiri daripada latar belakang responden seperti jantina, kelas umur, tahap pendidikan Islam, suku kaum dan jarak masa memeluk Islam. Ini dapat dijelaskan melalui carta 1.1 berikut:



Carta 1.1: Hubungan antara pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar.

ii. Soalan

Soalan soal selidik yang dibentuk terdiri daripada 34 soalan dan dibahagikan kepada 9 kategori<sup>8</sup> iaitu:

Kategori pertama : Latar belakang responden

<sup>8</sup> Contoh soalan soal selidik disediakan di halaman 312.

- Kategori kedua : Reaksi sasaran terhadap subjek dakwah
- Kategori ketiga : Reaksi sasaran terhadap cara dakwah
- Kategori keempat : Masalah yang dihadapi oleh sasaran setelah memeluk Islam
- Kategori kelima : Masalah sasaran dakwah
- Kategori keenam : Masalah pendakwah
- Kategori ketujuh : Masalah subjek dakwah
- Kategori kelapan : Masalah cara dakwah
- Kategori kesembilan : Masalah persekitaran

Kategori pertama ditentukan sebagai pembolehubah tidak bersandar. Manakala kategori kedua hingga kesembilan penentuan reaksi dan masalah pembolehubah tidak bersandar pada pembolehubah bersandar. Soalan kategori pertama sebanyak 5 soalan, kategori kedua sebanyak 4 soalan, kategori ketiga sebanyak 6 soalan, kategori keempat sebanyak 2 soalan, kategori kelima sebanyak 3 soalan, kategori keenam sebanyak 3 soalan, kategori ketujuh sebanyak 2 soalan, kategori kelapan sebanyak 6 soalan dan kategori kesembilan sebanyak 3 soalan.

Soalan soal selidik didahului dengan kajian rintis bagi memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan. Seramai 15 orang yang tidak termasuk dalam sampel telah dipilih untuk kajian rintis. Mereka yang terlibat terdiri daripada setiap kategori responden, iaitu seramai 5 orang bagi satu kategori. Kajian ini bertujuan menguji tahap soalan sejauh mana ia difahami dan boleh menjawab oleh semua peringkat sasaran pemilihan sampel. Hasil kajian rintis tersebut, soalan dapat diperbaiki dan dimantapkan lagi untuk mencapai objektif kajian. Soalan yang telah

dipercayai kualitasnya diagihkan kepada responden dan mereka perlu menjawab dengan menanda jawapan yang telah diberi. Semua soalan mesti dijawab hanya satu jawapan sahaja.

### iii. Pengagihan Soalan

Pengagihan soalan soal selidik dilakukan dengan bantuan pembantu pengkaji. Seramai 10 orang pembantu digunakan iaitu 2 orang untuk responden kategori belia yang menyambung pengajian di tiga wilayah Selatan Thailand, 2 orang untuk responden kategori yang mendapat pendidikan di institusi pendidikan Islam di Wilayah Chiang Rai dan 6 orang untuk responden kategori Kaum Chau Khau yang tidak mendapat pendidikan Islam. Pembantu pengkaji dipilih dalam kalangan belia Chau Khau yang sedang belajar pada peringkat sarjana muda di tiga wilayah Selatan Thailand. Mereka diberikan taklimat tentang pemilihan sampel dan cara untuk mengagihkan dan mengumpulkan semula soalan soal selidik. Mereka juga diberikan penerangan tentang soalan untuk meminimalkan ralat dalam persampelan dan menjawab soalan yang disediakan. Pada peringkat awal pembantu pengkaji dikehendaki menjawab soalan soal selidik tersebut untuk mengetahui kehendak soalan. Pembantu pengkaji juga diarahkan untuk mengagihkan soalan soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelbagai ciri demografi dan kategori yang telah ditentukan.

### iv. Sampel Kajian

Sampel kajian bagi tesis ini terdiri daripada 150 orang yang diambil secara cermat dari kalangan saudara baru atau Kaum Chau Khau yang memeluk Islam di Wilayah Chiang

Rai kemudian masih kekal dalam agama Islam dan menghayatinya sampai sekarang, iaitu sebanyak 25.42 % daripada jumlah bilangan mereka yang seramai 590 orang.<sup>9</sup> Sampel kajian juga ditentukan kepada 3 kategori iaitu saudara baru yang tidak mendapat pendidikan Islam seramai 48 orang iaitu sebanyak 32% dari jumlah sampel kajian, saudara baru yang mendapat pendidikan Islam di institusi pendidikan Islam di Wilayah Chiang Rai seramai 51 orang atau 34% dan saudara baru yang mendapat pendidikan Islam di Selatan Thailand seramai 51 orang atau 34%.

### 1.7.2. Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data pula digunakan untuk mengkaji data-data yang terkumpul serta menganalisa dan merumusnya. Kaedah-kaedah yang digunakan bagi mencapai tujuan ini ialah Kaedah Deskriptif, Kaedah Statistik Deskriptif dan Kaedah Deduktif.

#### 1.7.2.1. Kaedah Deskriptif

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis asas-asas dakwah Rasulullah kepada saudara baru dan sejauhmanakah ia digunakan dalam pergerakan dakwah Islam kepada saudara baru dalam kalangan Kaum Chau Khau di Wilayah Chiang Rai. Kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis asal kedatangan, bilangan, kumpulan, suku kaum, kebudayaan, adat istiadat, kepercayaan dan sumber ekonomi mereka. Selain itu ia juga digunakan untuk menganalisis sejarah kemasukan dakwah Islam, organisasi-organisasi

---

<sup>9</sup> Penentuan peratusan sampel ini adalah mengikut kadar yang ditentukan oleh Naran Sriwiha iaitu apabila bilangan sasaran tumpuan kajian berjumlah ratusan orang maka hendaklah dipilih antara mereka sebagai sampel kajian sekitar 25 peratus, sekiranya bilangan mereka ribuan orang maka peratusan sampel sekitar 10 peratus dan bagi sasaran tumpuan kajian yang bilangannya 10,000 orang ke atas maka sampel kajiannya sekitar 1 peratus. (Naran Sri Wiha, **Research Methodology in Education**, Maha Withayalai Songkla Nakharint, Pattani, 2540B, hlm: 66)

yang terlibat dalam dakwah, pendakwah yang melancarkan dakwah, subjek yang diterapkan dan *uslūb* yang digunakan dalam dakwah ini.

Justeru kaedah ini digunakan untuk mencapai objektif pertama, kedua dan ketiga bagi kajian ini.

#### 1.7.2.2. Kaedah Statistik Deskriptif

Kaedah Statistik Deskriptif pula digunakan untuk menganalisis reaksi saudara baru terhadap subjek yang diterapkan dan *uslūb* yang digunakan dalam pergerakan dakwah ini. Kaedah ini juga digunakan untuk menganalisis masalah-masalah yang dihadapi oleh pergerakan dakwah ini iaitu masalah sasaran setelah memeluk Islam, masalah sasaran dakwah, masalah pendakwah, masalah subjek dakwah, masalah *uslūb* dakwah, masalah persekitaran, masalah ekonomi dan masalah organisasi dakwah. Adapun data-data yang terkumpul melalui kaedah soal selidik diproses dengan menggunakan pengaturcaraan '*Statistic Package For The Social Science*' (*SPSS 6.1 Windos 2003*). Analisis yang dilakukan ke atas data dikemukakan dalam bentuk frekuensi dan peratusan.

Justeru kaedah ini digunakan untuk mencapai objektif keempat dan kelima bagi kajian ini.

### 1.7.2.3. Kaedah Deduktif

Kaedah ini memerlukan pengkaji membuat kesimpulan yang berasaskan dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar bagi mencari kesimpulan yang bersifat khusus. Justeru kaedah ini digunakan untuk merumuskan hasil kajian berkenaan.



BAB KEDUA

ASAS-ASAS DAKWAH RASULULLAH KEPADA SAUDARA BARU

2.1. Pendahuluan

Allah I telah mengutus Nabi Muhammad ρ adalah untuk menyebarkan agama-Nya kepada seluruh manusia, memberikan peringatan kepada mereka akan azab-Nya, menyampaikan berita baik kepada mereka dan mengubah hati-hati yang tenggelam di dalam lubuk kesesatan ke arah petunjuk Allah yang benar. Di samping itu, Rasulullah ρ juga diutuskan Allah untuk menjadi suri teladan yang baik kepada manusia dalam semua urusan pengabdian diri kepada Allah I.

Rasulullah ρ memulakan dakwahnya kepada manusia setelah turun perintah daripada Allah I. Pengkaji tidak mendapati sebarang perselisihan antara ulama tentang ayat pertama yang Allah I memerintahkan Rasulullah ρ menyampaikan dakwah, malahan mereka bersepakat mengatakan bahawa Rasulullah ρ memulakan dakwah setelah turun perintah Allah I dalam surah al-Muddaththir<sup>1</sup> berbunyi:



Maksudnya: Hai orang yang berselimut, bangunlah, lalu berilah peringatan, dan Tuhanmu agungkanlah, dan pakaianmu bersihkanlah, dan perbuatan dosa (menyembah berhala) tinggalkanlah, dan janganlah kamu memberi (dengan maksud) memperoleh (balasan)

<sup>1</sup> Musṭafā al-Sibā‘ī, *al-Sīrat al-Nabawīyyah*, cet 9, al-Maktab al-Islāmī, Beirūt, 1406H/1986M, hlm: 46.  
<sup>2</sup> *al-Qurān al-Karīm*, al-Sihār li al-Tibā‘ah, al-Qāhirah, t.t, Surah: al-Muddaththir (74), ayat: 1-7, hlm: 575.

yang lebih banyak, dan untuk (memenuhi perintah) Tuhanmu maka bersabarlah.

Ayat ini merupakan perintah pertama supaya Rasulullah ﷺ menyampaikan dakwah kepada manusia. Dari sini bermulanya dakwah Rasulullah secara tertutup dan sebagai titik permulaan bagi dakwah Baginda, sebagaimana berkata Ahmad Syalabī:

Ayat-Ayat di dalam surah al-Muddaththir ini memerintah Muhammad supaya memberi peringatan kepada manusia dan menyeru mereka kepada agama Allah. Perintah dakwah melalui ayat-ayat ini adalah titik permulaan bagi tahap-tahap dakwah Rasulullah seterusnya.<sup>3</sup>

Rasulullah ﷺ menyampaikan dakwah kepada manusia selama 23 tahun, bermula pada usia 40 tahun hingga ke akhir hayatnya ketika usia 63 tahun. Tempoh dakwah Rasulullah ﷺ tersebut terbahagi kepada dua period iaitu period Mekah dan period Madinah.

Dakwah Rasulullah ﷺ pada period Mekah selama 13 tahun bermula dari kebangkitan nabi hingga hijrah ke Madinah, iaitu semasa Rasulullah ﷺ berada di Mekah. Dakwah Rasulullah ﷺ pada period Mekah ini terbahagi kepada 3 tahap iaitu tahap tertutup, tahap terbuka bagi ahli Mekah dan tahap persiapan menubuh negara. Tahap dakwah dalam bentuk tertutup mengguna masa selama 3 tahun, bermula dari tahun pertama hingga tahun ke-3 dari kebangkitan nabi, iaitu setelah Rasulullah ﷺ diperintah menyampaikan dakwah, Baginda terus melaksanakannya secara tertutup kepada kerabat dan kawan-kawannya yang dipercayai.<sup>4</sup> Manakala tahap terbuka bagi ahli Mekah adalah tahap kedua bagi dakwah Rasulullah ﷺ, ia dilakukan sesudah 3 tahun

---

<sup>3</sup> Ahmad Syalabī, **Mawsū‘at al-Tārīkh al-Islām wa al-Hadārat al-Islāmiyyah**, cet 11, Maktabat al-Nahdat al-Misriyyah, al-Qāhirah, 1984, jil 1, hlm: 204.

<sup>4</sup> Muhammad Abū Zahrah, **Khātām al-Nabiyyīn**, Dār al-Fikr al-‘Arabī, al-Qāhirah, t.t, juz 1, hlm: 287.